



Kakitangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya meroboh deretan kedai haram di Kampung Pasir, Ampang.



# 39 gerai atas rizab JKR kena roboh

BH 17/8/2017, ms. 12 + 13

→ Tapak persimpangan Kampung Pasir jadi laluan EKVE untuk kurangkan kesesakan

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**ebanyak 39 tapak gerai terletak di selekoh persimpangan Kampung Pasir yang sudah beroperasi sejak 25 tahun lalu,

dirobohkan semalam, bagi memberi laluan kepada pembinaan projek Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE).

Projek Lebuhraya EKVE, yang memberi manfaat mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan berkenaan tertangguh pembinaannya selama 10 bulan, berikutan pendudukan secara tidak sah itu.

Jurucakap Jabatan Tanah dan Galian (JTG), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, berkata semua peniaga dan pemilik struktur di atas tanah rizab Jabatan Kerja Raya itu sudah diberikan dua notis pengosongan tapak, iaitu pada 20 Ogos tahun lalu dan 20 Jun lalu.

Katanya, peniaga juga diberikan tempoh lanjutan mengosongkan tapak gerai mereka selama sebulan selepas tarikh notis berakhir, iaitu

sehingga 31 Julai lalu bagaimanapun, tiada tindakan susulan.

“Operasi ini adalah yang pertama, selepas tertangguh pada 1 Ogos lalu dan selaras dengan Seksyen 426A, Kanan Tanah Negara 1965.

## Peniaga diberi pampasan

“Kerajaan Persekutuan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), yang bersetuju menjalankan operasi pengosongan kawasan ini dengan segera,” katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, jurucakap JTG berkata, semua peniaga dan pihak berkepentingan diberikan pampasan RM8,000 atas budi bicara pihak konsesi, Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB), dengan persetujuan Mesyuarat MTES.



Barangan dikumpul selepas gerai dirobohkan.





**Operasi merobohkan gerai terletak di selekoh persimpangan Kampung Pasir kerana kawasan berkenaan jadi laluan EKVE.**

Fakta  
nombor

**RM8,000**  
PAMPASAN

diberi kepada semua peniaga dan pihak berkepentingan

**5 PENIAGA**

tidak bersetuju premis mereka dirobohkan

# Peniaga berang buat laporan polis

**Ampang:** Lima daripada 39 peniaga tapak gerai di selekoh persimpangan Kampung Pasir di sini, tidak bersetuju premis mereka dirobohkan kerana sudah berniaga di situ hampir 25 tahun lalu.

Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia, Nazlee Abdul Aziz Yeop, yang mewakili lima peniaga itu, berkata pihaknya tidak bersetuju tindakan merobohkan lima gerai yang memiliki pemilikan berstruktur bersama dewan berdekatan.

Katanya, lima peniaga gerai terbabit juga sudah merujuk kes masing-masing ke mahkamah.

"Kami akan memfailkan permohonan supaya Pejabat Tanah Daerah Gombak, dikenakan perintah menghina mahkamah kerana merobohkan gerai mereka.

## Perintah larangan

"Ini berikutan ada perintah larangan yang dikeluarkan mahkamah berhubung pemilik bersama struktur lima gerai bersama dewan. Mahkamah dijadualkan membuat keputusan berhubung perkara itu, Rabu minggu depan.

"Persoalannya, tidakkah mereka (JTG dan kerajaan) boleh memberi kami masa sehingga mahkamah mengeluarkan arahan jelas berhubung kes ini," katanya.

Nazlee berkata, pihaknya tidak peduli dengan nasib peniaga lain yang tidak membuat tuntutan di mahkamah, berikutan tiada kos bayaran dikenakan kepada peniaga itu.

Sehubungan itu, pihaknya menggesa Pejabat Tanah Daerah Gombak dan JTG mengeluarkan penjelasan lanjut mengenai isu itu.

Pada masa sama, Nazlee bersama beberapa peniaga terbabit membuat laporan berhubung isu sama di Balai Polis Hulu Kelang, pagi semalam.

"Kita serahkan kes ini kepada polis, untuk siasat lebih lanjut," katanya.



Ini berikutan ada perintah larangan yang dikeluarkan mahkamah berhubung pemilik bersama struktur lima gerai bersama dewan. Mahkamah dijadualkan membuat keputusan berhubung perkara itu, Rabu minggu depan. Persoalannya, tidakkah mereka (JTG dan kerajaan) boleh memberi kami masa sehingga mahkamah mengeluarkan arahan jelas berhubung kes ini"

**Nazlee Abdul Aziz Yeop,**  
Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia



**Antara gerai yang dirobohkan di Kampung Pasir, Ampang.**